

CNS9496

R GB 16-08 00155 BA483

aab

.Mahathir - Alam Sekitar (Ulangan Pembetulan pada intro)" "

PETALING JAYA, 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia mungkin tidak akan menghadiri persidangan kemuncak alam sekitar yang dinamakan +Earth Summit+ di Brazil pada tahun depan.

Katanya. kalau mereka (kumpulan-kumpulan pergerahan alam sekitar antarabangsa) sudah buat keputusan ingin menyingkirkan Malaysia daripada dunia, +tidak payah lagi kita hadir+.

+Kalau macam ini niat mereka, ini bukannya persidangan untuk mencari penyelesaian masalah alam sekitar. Kita semua tahu bahawa alam sekitar kita dicemar oleh negara-negara maju, bukan oleh Malaysia.

+Tetapi mereka inain ini dari segi politik,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-18 Kolej Pakar Perubatan Am Malaysia di sini ketika merujuk laporan yang mengatakan Malaysia telah dipilih untuk dijadikan sasaran pertama kebencian antarabangsa.

Laporan itu menyatakan Malaysia dipilih kerana ia kecil dan terasing dan lemah. -- Lagi

♥16/08/15-49MST

♥16/08/12-44MST

R GB 16-08 00147 BA460

aab

Mahathir - Alam Sekitar 2 Petaling Jaya

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika persidangan antarabangsa mengenai alam sekitar itu hendak digunakan untuk menekan negara-negara lemah (negara-negara dunia ketiga), lebih baik negara-negara lemah mengadakan persidangan mereka sendiri.

Melalui persidangan seperti itu, dapatlah mereka mendengar apa yang sebenarnya berlaku, katanya.

+Kalau kita hendak pergi ke sana untuk mendengar mereka memaki-hamun kita, tidak ada gunalah (menghadirinya),+ kata Perciana Menteri lagi.

Menurutnya, +beliau yakin kumpulan-kumpulan berksnaan dibiayai oleh kumpulan lobi ekonomi tertentu untuk menimbulkan masalah untuk menjejaskan ekonomi negara ini supaya rakyat negara ini terus miskin dan rakyat mereka terus kaya.

+Inilah yang mereka hendak, mereka tidak ingin melihat rakyat Malaysia dapat kehidupan yang bahagia,+ katanya.

Katanya, +kalau mereka nampak kita tenang dan maju, mereka akan dengan sedaya upaya mengusahakan keadaan kita menjadi kucar kacir.+ -- Lagi

♥16/08/13-03MST

R GB 16-08 00188 BA463

aab

Mahathir - Alam Sekitar 3 Petaling Jaya

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia akan menjelaskan keadaan secara bertanggungjawab jika ia nampak perlu berbuat demikian tetapi +kalau mereka hendak lancarkan +peperangan, +apa boleh buat+.

Perdana Menteri berkata, masalah orang Penan hanya merupakan satu pertemuan baru oleh mereka yang hanya digunakan untuk menekan negara-negara kecil.

Mereka sememangnya berniat untuk menguasai negara ini tetapi tidak dapat berbuat demikian secara politik, jadi dengan cara tidak langsung akan menggunakan apa sahaja untuk menjajah negara-negara seperti Malaysia yang sudah membangun sedikit dan berani bercakap sedikit, katanya.

Menurutnya, mereka ingin melihat orang Penan menjadi satu bahan pameran di muzium supaya mereka dapat datang melihat saki baki orang-orang tua, sebagai orang hutan yang tidak perlu mendapat rawatan, penjagaan dan penyeliaan.

Beliau berkata, orang +Aborigine+ di Australia- dan orang +Red-Indian+ di Amerika Syarikat sekarang ini menjadi orang-orang yang ketinggalan zaman jika dibandingkan dengan orang Penan dan mereka hendak menjadikan orang Penan seperti itu.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, kita berniat supaya orang Penan akan mendapat samanikmat dengan rakyat Malaysia yang lain. -- Lagi

♥16/08/13-17MST

CNS9450

R GB 16-08 00075 BA468

aab

Mahathir - Alam Sekitar 4 Petaling Jaya

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak boleh berbuat apa-apa untuk membalas perbuatan pergerakan-pergerakan yang mencemarkan nama baik Malaysia itu.

Katanya, Malaysia diberitahu oleh negara-negara asal pergerakan itu bahawa mereka tidak mempunyai kuasa untuk menghalang perbuatan pergerakan-pergerakan berkenaan.

+Kita diberitahu bahawa kerajaan mereka baik, cuma orang-orang ini tidak baik, tetapi kesannya sama kepada kita, +katanya. -- Bernama

♥16/08/14-59MST